

29/10/1998

F-1: Malaysia mampu laksanakan

Saufi Hamzah

PERSATUAN Industri Sukan Motor British menaruh keyakinan Malaysia berupaya menganjurkan perlumbaan Formula Satu (F-1) dengan cemerlang setelah terpilih menjadi salah satu tuan rumah dalam kejohanan dunia tahun depan.

Malaysia turut dianggap memiliki litar unik yang setaraf dengan litar terkemuka lain seperti Monza (Itali), Spa Francorchamps (Belgium), Silverstone (Britain), Hockenheim (Jerman) dan Nurburgring (Luxembourg).

Presiden persatuan itu, Lord Astor of Hever (kanan), turut kagum terhadap litar di Sepang yang dilawatinya kelmarin serta merumuskan adalah bertepatan Malaysia dipilih mengadakan perlumbaan paling berprestij dalam sukan motor.

"Pemilihan Sepang dalam kalendar F-1 tahun depan adalah sesuatu yang perlu dibanggakan, lebih-lebih lagi dengan usaha gigih Perdana Menteri Malaysia mahukan perlumbaan itu diadakan di negara ini.

"Lebih menarik mengenai litar ini ialah penonton dapat melihat 60 peratus daripada tempat perlumbaan berbanding 20 peratus di tempat lain. Malah, reka bentuk grandstandnya yang menarik membolehkan penonton bersemuka antara satu sama lain," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, semalam.

Persatuan Industri Sukan Motor British bertanggungjawab menjaga kepentingan syarikat sukan motor negara berkenaan dan industri itu dianggarkan bernilai -2 bilion dengan 60 peratus daripadanya untuk tujuan eksport.

Lord Astor yang turut berkesempatan mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu, berkata pihak yang dilantik untuk membina kawasan perlumbaan berkenaan patut dipuji kerana melaksanakannya dengan baik.

"Tidak lama lagi, Malaysia akan mendapat perhatian dunia apabila menganjurkan perlumbaan F-1 pada Oktober tahun depan. Saya juga tidak akan melepaskan peluang untuk datang menyaksikannya.

"Perlu diingat bahawa perlumbaan F-1 disaksikan hampir 400 juta orang di seluruh dunia dan jumlah penonton ini adalah yang kedua terbesar selepas Sukan Olimpik," katanya yang sedang menghadiri Persidangan Dwitahunan Kesatuan Akhbar Komanwel.

Sambil memuji kemampuan negara ini menganjurkan perlumbaan Grand Prix Motosikal Dunia, Lord Astor berkata Malaysia akan mendapat banyak faedah, termasuk peningkatan jumlah pelancong asing.

Dia turut dijangka mengetuai misi perdagangan membabitkan kira-kira 250 ketua pegawai eksekutif pelbagai syarikat ke Malaysia pada Oktober tahun depan untuk menjalin kerjasama dalam industri sukan motor.

"Kami juga akan mengadakan satu persidangan bertajuk 'F-1: Perniagaan dan Teknologi' ketika misi perdagangan itu berada di negara ini.

"Bagi kami, dialog dengan syarikat terkenal seperti Proton dan Petronas penting bagi meletakkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan sukan itu."

(END)